

Kerajaan tidak tahu Tengku Abdullah ke Israel

KUALA LUMPUR, Ahad — Kunjungan Tengku Abdullah Tuanku Abdul Rahman, adik yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar ke Israel dilakukan tanpa pengetahuan kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau tidak tahu menahu mengenai laporan berhubung kunjungan Tengku Abdullah ke Israel dan seterusnya mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri-nya, Yitzhak Rabin.

"Setahu saya, kami tidak ada mengeluarkan visa untuk sesiapa juga yang akan ke Israel. Saya pun belum mendengar berita mengenai perkara ini," katanya.

Dr Mahathir juga menafikan bahawa kunjungan Tengku Abdullah itu mewakili Kerajaan Malaysia.

"Jika benar laporan mengenai kunjungan itu, saya juga benar-benar

ingin tahu apakah tujuan beliau berbuat demikian. Tetapi saya dapat rasa-rasa kunjungan itu hanya mempunyai tujuan perdagangan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Perhimpunan Agung Khas Umno bagi menangani masalah politik wang dan kuasa, di sini hari ini.

Perdana Menteri menengulas laporan AFP bahawa Tengku Abdullah membuat kunjungan ke Israel dan mengadakan rundingan dengan Rabin, Selasa lalu. Tengku Abdullah juga dilaporkan bertemu dengan Menteri Luar negara itu, Shimon Perez. Tengku Abdullah ialah Pengerusi Melewar Corporation.

Ditanya sama ada tindakan akan dikenakan terhadap Tengku Abdullah jika terbukti beliau benar-benar membuat kunjungan itu, Perdana

Menteri berkata tiada undang-undang negara digubai untuk menghukum rakyat Malaysia yang melawat Israel.

Mengenai hubungan dengan Israel, Perdana Menteri juga mengakui, beliau dan Rabin ada saling berutus surat sebanyak tiga kali sebelum ini.

"Perhubungan surat bermula apabila Israel dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) mula mengadakan perbincangan mengenai perjanjian damai. Kami meminta Israel bersikap jujur dalam usaha itu.

"Rabin juga pernah meminta Malaysia mengiktiraf Israel tetapi kami masih belum meyakini pendirian Israel," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, Malaysia masih belum mempunyai hubungan atau membuat apa-apa urusan dengan kerajaan negara itu.